



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (9)

Tarikh : 12 Ogos 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 9 TAHUN 2020 : PENAMBAHBAIKAN PROSES BAUCAR JURNAL PELARASAN
MODUL TERIMAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat penambahbaikan ke atas proses Baucar Jurnal Pelarasan Modul Terimaan (Deposit). Tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

2.1 Pelarasan Hasil ke Akaun Deposit

Melaraskan kod Hasil atau kod GL yang telah salah diperakaunkan di Resit Biasa tanpa Invois (Resit Asal) kepada kod Deposit bersubsidiari pelanggan yang sebenar.

2.2 Pelarasan Antara Deposit Recon AR dan Recon AP

Melaraskan kod Deposit bersubsidiari pelanggan / pembekal yang telah salah diperakaunkan di Resit Deposit (Resit Asal) kepada kod Deposit bersubsidiari pelanggan / pembekal yang sebenar.

3. Bersama-sama ini disertakan Modul Pengguna AR – Proses Baucar Jurnal Pelarasan Modul Terimaan untuk rujukan pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. Puan Noor Azura binti Mohd Azhar
Emel : azura.azhar@anm.gov.my
No. Tel : 06-768 6812
- ii. Cik Nuruljannah binti Mohd Yusoff
Emel : jannah.yusoff@anm.gov.my
No. Tel : 06-768 6871

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan